

# PM minta kekalkan keindahan alam sekitar

BH 25 MAR 2001

LANGKAWI Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu keindahan alam semula jadi seperti bukit bukau pantai laut dan pulau yang unik di Langkawi dikekalkan

Perdana Menteri yang juga tenaga penggerak utama pembangunan di pulau peranginan ini berkata ini kerana ia aset utama Langkawi sebagai daya tarikan pelancong

Segala bentuk pembangunan yang dirancang untuk dilaksanakan perlu mengambil kira kesan terhadap alam sekitar

Ia juga perlu menepati dasar dan perancangan yang teliti serta dapat menonjolkan Langkawi sebagai sebuah Bandaraya Pelancongan katanya dalam buku perutusan sempena pengisytiharan Langkawi Bandaraya Pelancongan yang diedarkan di sini semalam

Majlis pengisytiharan itu disempurnakan oleh Sultan Kedah dalam acara penuh gilang gemilang dan adat istiadat kebesaran diraja Melayu di Laman Marmar berhampiran Layar Jam di sini

Serentak itu Majlis Daerah Langkawi secara rasmi dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) Bandaraya Pelancongan

Bangga dengan kenaikan taraf daripada MDL kepada MPL Bandaraya Pelancongan Dr Mahathir yakin Langkawi akan muncul sebagai sebuah destinasi pelancongan utama rantau ini